

# KEJOHANAN BOLA SEPAK 5 SEBELAH

**Sempena** Ulangtahun Hari Keputeraan DYYM Tuanku Raja Perlis ke-61, satu Kejohanan Bolasepak 5 Sebelah telah diadakan pada 25-28 Mei 2004 bertempat di Padang B, Kampus Cawangan Universiti Teknologi Mara, Arau, Perlis. Kejohanan yang diadakan pada sebelah malam itu mendapat sambutan lebih daripada 50 pasukan.

Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia (KUKUM) telah menghantar dua pasukan iaitu KUKUM A dan KUKUM B. Pasukan KUKUM A mencatat kemenangan pada pusingan pertama tetapi tumpas pada pusingan kedua , manakala KUKUM B berjaya layak sehingga ke peringkat suku akhir . Bagaimanapun pasukan ini tumpas 1-4 kepada Putra FC pada peringkat tersebut.